

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan membincangkan beberapa perkara asas dalam penyediaan disertasi yang diperlukan sebagai sebahagian syarat untuk memperolehi ijazah sarjana sastera seperti yang ditetapkan. Perkara-perkara yang diberikan perhatian ialah latar belakang kajian, skop kajian dan perumusan masalah, objektif kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

### **1.2 Latar belakang Kajian**

Masyarakat antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai bangsa adalah merupakan titik tolak kepada keperluan kehidupan yang memerlukan kepada perhubungan antara negara, kebergantungan, mempelajari antara satu sama lain dalam mencapai kehidupan yang selesa, aman dan harmoni. Sebagai manusia, kita tidak dapat lari daripada sifat saling berkongsi, kenal mengenali sebagai memenuhi tuntutan kehidupan. Jepun<sup>1</sup> misalnya, sebelum kemasukan tamadun luar khasnya tamadun China, telah pun memiliki gaya hidup dan pentadbiran tersendiri. Mereka pandai menguruskan kehidupan sehari-hari dan kehendak mereka yang bergantung pada sumber alam semula jadi.

<sup>1</sup> Iuga dikenali sebagai "Oppon atau Nihon yang bernakved". Tanah Matahari Terbit

Keadaan ini ternyata sesuai dengan taraf hidup masyarakat pada masa itu, yang dikenali sebagai masyarakat Jomon.<sup>2</sup> Kehidupan masyarakat Jomon secara nomadik ini telah memperlambat dan membantutkan proses pembentukan tamadun. Namun setelah berlakunya perhubungan dengan dunia luar atau dengan kata lain setelah bermulanya proses globalisasi dalam masyarakat Jepun, tamadun Jepun mula menampakkan perubahan serta perkembangan yang positif.

Perkataan ‘globalisasi’ yang diambil daripada perkataan bahasa Inggeris ‘*globalization*’, itu sememangnya problematik dan sering dipertikaikan. Oleh yang demikian pelbagai tafsiran telah diberikan mengenai maknanya tanpa satu-satu definisi yang benar-benar tepat; manakala cara analisisnya juga berbeza-beza. Perbincangan lanjut mengenai globalisasi diterangkan pada bab ketiga disertasi ini.

Namun secara umumnya globalisasi itu boleh dikatakan sebagai suatu himpunan proses pengaliran global pelbagai jenis objek yang melibatkan pelbagai bidang aktiviti manusia. Manakala objek globalisasi merangkumi fizikal iaitu material dan bukan fizikal iaitu maklumat, idea, nilai, institusi atau sistem.

2 Dikenali sebagai zaman Jomon iaitu berdasarkan karakter corak tembikar yang diperbuat daripada tanah liat. Orang Jomon hidup sebagai bangsa nomad, bekerja sebagai pemburu, menangkap ikan dan mengumpul makanan seperti kacang dan beri seawal tahun 8000 S.M yang mana para arkeologi menamakan zaman tersebut sebagai zaman ‘neolitik’ (zaman batu baru). Lihat John K. Fairbank., Edwin O. Reischauer, Albert M. Craig, *East Asia:Tradition and Transformation* (London:George Allen And Unwin Ltd,1965), hlm 327.

Perkara yang menjadi persoalannya sekarang ialah sama ada globalisasi itu sesuatu yang baru ataupun ia sesuatu yang berkesinambungan daripada proses yang berlaku dalam sejarah. Di sini diterangkan tiga pendapat yang berbeza mengenai hal tersebut. Pertama: Pendapat yang agak umum mengaitkan globalisasi dengan modenisasi dan kapitalisme yang sudah wujud lebih 400 tahun. Pandangan ini antara lain dikemukakan oleh Anthony Giddens yang mengaitkan proses globalisasi dengan perkembangan masyarakat moden.

Dalam hujah Giddens, terdapat dua perkara penting berhubung dengan masyarakat moden. Pertama, dari segi ekonomi, terdapat kelahiran sistem kapitalisme dan ekonomi berasaskan industri. Ekonomi sedemikian membawa peningkatan kepada usaha manusia yang menggunakan kuasa jentera dan bukan lagi tenaga alamiah, manakala proses produksi pula dilakukan secara kolektif. Kedua, dari segi politik, negara-bangsa telah muncul di pentas sejarah untuk mentadbir ekonomi dan masyarakat moden dengan kecekapan dan kawalan terpusat ke atas penggunaan kekerasan.

Bagi Giddens apa yang baru ialah kemunculan *time-space distanciation*, yakni pengintensifan interaksi tanpa mengira ruang (*intensification of interaction across distances*); ia menghubungkan tempat yang jauh dengan sedemikian rupa sehingga peristiwa setempat dibentuk atau dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku jauh di tempat lain dan begitu juga

sebaliknya. Giddens menegaskan lagi bahawa walaupun peningkatan dalam hubungan sosial bersifat sedunia ini sesuatu yang baru, tetapi fenomena ini tidak memutuskan diri manusia dengan modeniti atau kemodenan. Menurut beliau, globalisasi itu sendiri adalah produk kemodenan.<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun pendapat ini disanggah dari dua sudut. Penulis-penulis seperti Robertson menganggap globalisasi ialah satu proses yang telah berlaku sejak bermulanya sejarah, iaitu sebelum lahirnya kapitalisme dan zaman moden. Akan tetapi, menurut beliau, proses itu semakin meningkatkan kesannya sejak kelahiran kapitalisme, dan peningkatan itu menjadi amat ketara dalam dua dekad kebelakangan ini.

Robertson turut menegaskan bahawa modenisasi mempercepatkan proses globalisasi dengan meningkatkan *global consciousness* atau kesedaran global pada hari ini. Oleh yang demikian, menurut pandangan ini, apa yang baru ialah kesedaran global, yakni fenomenologi tentang pemampatan masa dan ruang, tetapi bukan proses globalisasi itu sendiri. Dari sudut lain pula, terdapat pandangan golongan pascamodenis yang melihat globalisasi sebagai pemutusan dengan kemodenan.

<sup>3</sup> Norani Othman, et.al. *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta Atau Mangsa*, (Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000),hlm.36-37. Lihat juga R .Robertson, *Globalization:Social Theory and Global Culture*, (London: Sage Publications), 1992.

Golongan ini menghujahkan bahawa globalisasi bukan produk kemodenan, tetapi produk pascamoden dan pascaindustri. Menurut pandangan golongan ini, globalisasi ialah sesuatu yang serba baru yang mungkin berusia satu atau dua dekad sahaja kerana globalisasi di sini dilihat sebagai suatu keadaan ekonomi-politik dan budaya masyarakat pasca industri.<sup>4</sup>

Walaupun permulaan globalisasi itu masih sesuatu yang dipertikaikan, namun kita perlu mengakui bahawa globalisasi ialah satu proses yang sudah lama bermula. Selari dengan penulisan kajian, pandangan kedua diambil kerana ruang lingkup masa, keadaan dan peristiwa yang lebih liberal dan logikal, sangat bertepatan dengan skop penulisan disertasi ini.

Dalam hal ini pengaruh globalisasi yang pertama terhadap peradaban Jepun ialah semasa menerima kemasukan tamadun China, iaitu ketika di zaman Yayoi<sup>5</sup>. Penerimaan mereka terhadap gelombang kemasukan tamadun China dimulai dengan pengetahuan pertanian padi sawah.

<sup>4</sup> Norani Othman, *et.al*, *Ibid*, hlm.37-38. Lihat juga Lash, Scott & J. Urry, *Economies of Signs and Space*, (London: Sage Publications), 1994.

<sup>5</sup> Dalam kurun ke-3 S.M, berlaku perubahan hidup di Jepun apabila budaya baru menggantikan era Jomon di Barat Jepun dan pada penghujung kurun pertama S.M ianya telah tersebar sehingga ke bahagian Timur Jepun. Era baru ini dipanggil zaman Yayoi iaitu berasal dari sejenis belanga tembikar yang mereka cipta, corak tembikar yang diutamakan adalah yang mempunyai garisan atau belang yang berbentuk geometri dan ketahanannya lebih baik pada zaman itu. Pada masa itu, pengaruh China terutama dari Dinasti Han dapat dikesan. *Ibid*, hlm 327.

Semenjak itu, lebih banyak tanah yang dibuka bagi tujuan pertanian dan teknik-teknik pengairan digunakan dengan meluas. Malah, penggunaan logam, besi dan gangsa juga diperkenalkan dan digunakan untuk membuat senjata dan peralatan pertanian. Paul Varley menyatakan;

*"Since knowledge of bronze and iron entered Japan almost simultaneously, the Yayoi people tended to employ the former for ornamental and the latter for practical purposes."<sup>6</sup>*

Kemahiran masyarakat Yayoi menghasilkan barang dari pada logam-logam ini telah meningkatkan hasil pendapatan mereka sekaligus membantu mereka dalam membina sistem kekeluargaan yang tersusun. Terdapat kesan sejarah yang membuktikan bahawa masyarakat Jepun telah mengubahsuai pengaruh dari China dengan budaya tempatan.

Antara lainnya seperti tulisan China yang dijepunkan, kepercayaan Shinto<sup>7</sup>, Buddha dan Konfucius yang dicantumkan, pengambilan sistem kalender China dan banyak lagi. Ini jelas menunjukkan sudah berlakunya globalisasi pada peringkat awal peradaban Jepun.

<sup>6</sup> H. P. Varley, *Japanese Culture: A Short History*, (New York : Praeger Publishers, 1991), hlm 5.  
<sup>7</sup> Shinto adalah kepercayaan animisme. Di dalam agama Shinto tidak ada pengasas mahupun kitab-kitab agama. Asalnya agama Shinto adalah agama asal penduduk Jepun yang percaya kepada unsur spiritual dalam dunia yang mengelilingi mereka. Selepas abad ke-6, disebabkan pengenalan kepada budaya agama dari luar menyebabkan ia dijadikan satu agama dengan mengadakan kuil-kuil dengan perayaan-perayaan tertentu dan upacara-upacara tersendiri yang dilaksanakan oleh kelas paderi. Lihat *Shinto and Buddhism: Wheelspring of Japanese Spiritually*, <http://www.askasia.org/frclasrm/readings/000009.html>.

Kemasukan pengaruh tamadun China ke Jepun disemarakkan lagi dengan peranan Putera Shotoku Taishi<sup>8</sup>, individu yang paling berjasa dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkembangan tamadun Jepun yang begitu meluas. Baginda telah banyak membuat pembaharuan semasa Jepun di bawah pentadbirannya dan baginda juga bertanggungjawab membawa masuk idea-idea pemikiran masyarakat China dan agama Buddha dalam budaya dan tatacara hidup masyarakat Jepun pada masa itu.

Tindakan atau pembaharuan itu banyak memberi pengaruh dan meninggalkan kesan kepada masyarakat Jepun sehingga kini, hal ini dapat dilihat, antaranya dalam bidang kesusasteraan, tulisan dan juga kesenian China di Jepun. Pengaruh ini menguatkan lagi keteguhan pembinaan peradaban Jepun, terutamanya apabila baginda telah mengeluarkan Perlembagaan Tujuh Belas pada tahun 604 T.M. yang merupakan kombinasi ajaran agama Budhha dan konsep politik dan etika Konfucius. Dalam hal ini masyarakat Jepun memperlihatkan kebijaksanaan mereka yang tidak menerima pengaruh tamadun asing sewenangnya tetapi telah menyesuaikannya dengan keadaan negara Jepun.

<sup>8</sup> Putera Shotoku (572-621M) adalah anak saudara kepada Maharani Suiko iaitu Maharani dari puak Soga yang memerintah Jepun pada tahun 593M. Beliau telah dilantik sebagai penasihat kepada ibu saudaranya ketika berusia 21 tahun. Putera Shotoku adalah perintis kepada interaksi Jepun dengan China yang bermula pada abad ke-7 M.

Dengan kata lain, globalisasi yang berlaku dalam pelbagai dimensi itu telah menjadi asas kepada pemantapan dan pengukuhan peradaban Jepun yang terus didukung oleh bangsa Jepun sehingga hari ini. Gelombang kedua kemasukan pengaruh luar berlaku apabila Jepun menjalinkan hubungan dengan Barat khususnya semasa pemerintahan Meiji (1868-1912), di mana masyarakat Jepun mula mencontohi Barat dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, pendidikan, ketenteraan dan lain-lain.

Hubungan antara Jepun dengan Barat, yang terawal dapat dikesan adalah pada tahun 1542 apabila tiga orang Portugis yang telah karam kapalnya sampai ke Pulau Tanegashima di Kyushu Selatan pada tahun 1542. Menjelang tahun 1550, banyak kapal Portugis mula tiba di pelabuhan Kyushu. Kapal-kapal Portugis ini bukan sahaja membawa saudagar-saudagar tetapi juga mubaligh dan salah seorang daripada mubaligh tersebut ialah Francis Xavier yang telah mendarat di Kagoshima pada tahun 1549. Selain Portugis, Belanda dan Sepanyol juga telah mula datang ke Jepun untuk berdagang dan menyebarkan agama Kristian.

Namun begitu pada pertengahan kurun ke-17, negara Jepun mengamalkan dasar tutup pintu. Hal ini berlaku ketika pemerintahan Tokugawa dan tindakannya itu mengakibatkan negara Jepun terpisah dengan dunia luar pada tahap yang maksima. Dasar pemencilan ini diperkenalkan

ekoran tercetusnya Pemberontakan Shimbara di antara tahun 1637-1638 di Kyushu. Menurut pemerhatian Bakufu<sup>9</sup>, pemberontakan ini meletus berikutan pemberontakan dari pengikut Kristian Jepun terhadap Keshogunan Tokugawa.<sup>10</sup> Dasar ini berlanjutan selama kira-kira 200 tahun iaitu sekitar tahun 1630 melalui tiga titah perintah Bakufu iaitu pada tahun 1633, 1635 dan 1639.

Menurut titah perintah 1633, satu peraturan dibentuk iaitu hanya kapal-kapal yang diberi lesen oleh Bakufu dibenarkan keluar daripada negara Jepun, rakyat Jepun dilarang ke luar negeri kecuali dengan kebenaran daripada Shogun Tokugawa, dan rakyat Jepun yang menetap di luar negeri sekiranya pulang ke tanah air akan dijatuhkan hukuman mati.

Titah perintah 1635, membentuk satu peraturan iaitu pengharaman secara mutlak semua kapal-kapal Jepun dan rakyat Jepun dari ke luar negara. Titah perintah 1639 pula membentuk beberapa peraturan iaitu perdagangan asing (luar Jepun) diharamkan, dan menutup negara Jepun kepada hubungan dunia luar kecuali Dejima di Nagasaki.

<sup>9</sup> Bakufu: Kerajaan keshogunan dipanggil Bakufu atau kerajaan khemah. Bakufu adalah kerajaan berbentuk tentera dan menjadi kerajaan yang utama untuk selama 700 tahun iaitu sehingga tamatnya keshogunan Tokugawa.

<sup>10</sup> Dari segi realitinya, ia adalah pemberontakan petani pada peringkat awalnya. Hal ini kerana merasakan tertindas oleh golongan daimyo atau tuan-tuan tanah feudal tetapi kemudiannya menerima sokongan daripada golongan ‘ronin’ (samurai yang tidak mempunyai tuan) yang menganut agama Kristian.

Bagaimanapun perhubungan dengan Barat mula kembali ketara semasa pemerintahan Maharaja Meiji. Maharaja Meiji memerintah Jepun pada tahun 1867 setelah Kesyogunan Tokugawa yang terakhir iaitu Hitotsubashi Keiki<sup>11</sup> menyerahkan kuasa pemerintahan kepadanya. Maharaja Meiji telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan di Jepun termasuk bidang ekonomi, sosial, politik dan ketenteraan.

Baginda banyak mengambil idea-idea dari Barat malah Meiji sendiri dikatakan amat sukaan cara hidup Barat. Pada zaman pemerintahannya, tamadun Barat diperkenalkan di Jepun. Interaksi yang berlaku antara tamadun Barat dan tamadun Jepun itu telah membentuk satu tamadun yang begitu unik yang dikenali sebagai tamadun Jepun moden.

Semasa Zaman Pemulihan Meiji, pelajaran (akademik) sangat dipentingkan sehingga kerajaan mewajibkan pelajaran di peringkat sekolah rendah kepada semua kanak-kanak di Jepun pada tahun 1872. Idea-idea baru tentang sains dan teknologi dari Barat diajarkan di sekolah-sekolah. Selain daripada itu, muzik Barat juga dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah. Kerajaan turut memberi keutamaan kepada mata pelajaran teknik, sains dan matematik.<sup>12</sup>

<sup>11</sup> Richard Story, *Sejarah Jepun Moden*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967), hlm 30.

<sup>12</sup> Herbert Passin, (terj). Rustam A. Sani, *Masyarakat dan Pendidikan di Jepun*, (Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1989), hlm. 130.

Maharaja Meiji juga mengambil berat tentang perkembangan dan pemodenan angkatan tentera. Tentera Jepun mencontohi tentera Jerman yang terkenal unggul pada masa itu. Sementara tentera laut Jepun mencontohi tentera laut British.<sup>13</sup> Untuk memajukan lagi bidang ketenteraan, Maharaja Meiji memperkenalkan perkhidmatan tentera wajib dan menghantar Jeneral Yamagata ke Eropah untuk melawat sambil belajar. Di samping itu, Maharaja Meiji turut menerima sistem ekonomi Barat. Sistem perhubungan dan pengangkutan dimajukan. Baginda telah membina lebih banyak jalan raya, jalan keretapi dan pelabuhan. Dalam usaha memajukan ekonomi, banyak perusahaan baru ditubuhkan dan kerajaan memberi pinjaman wang untuk membantu perusahaan tersebut. Syarikat-syarikat besar yang digelar zaibatsu<sup>14</sup> ditubuhkan. Manakala sistem politik dan perlembagaan Jepun pula turut mencontohi Barat.

Secara kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa tamadun Jepun moden adalah merupakan hasil gabungan tamadun Jepun, China dan Barat. Jepun berjaya *menjepunkan* tamadun Barat sebagaimana yang berlaku kepada tamadun China. Ini memberikan satu kelainan kepada tamadun Jepun yang masih kekal sehingga ke hari ini.

13 Azhar Mad Aros, *et.al*, *Titas Kertas 2*, (Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2002),hlm. 370.

14 Zaibatsu adalah syarikat-syarikat perniagaan milik keluarga yang berkembang menjadi syarikat besar seperti Mitsubishi, Mitsui, Sumitomo dan lain-lain lagi yang mencapai tahap kegemilangannya pada awal abad ke-20. Mereka ini mendominasi pelbagai sektor ekonomi Jepun yang akhirnya dibubarkan oleh *Supreme Commander for the Allied Powers*-SCAP yang menduduki Jepun pada tahun 1945. (Selepas kekalahan dalam Perang Dunia Kedua) dikatakan bertanggungjawab membayai pencerobohan Jepun di seberang laut.

Zaman pembaharuan Meiji (1868-1912) menyaksikan Jepun memodenkan negaranya dan mencapai taraf yang sama dengan Barat dalam tempoh yang mengagumkan. Maka tidak hairanlah apabila Jepun dianggap sebagai satu kuasa yang mencabar dan kuat semasa Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun kekalahan yang dialami oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua ini telah hampir memusnahkan tamadunnya.<sup>15</sup>

Namun keupayaan Jepun untuk bangkit dalam masa yang singkat dari kehancuran perang telah memerlukan banyak pihak. Kini, Jepun merupakan sebuah negara industri dan ekonomi yang sangat maju. Bahkan Dunia Barat kini terpaksa akur kepada Jepun sebagai satu kuasa ekonomi utama dunia.

Walaupun negara Jepun merupakan sebuah negara yang sangat moden namun asas jati diri bangsa Jepun serta '*world view*' mereka tetap tidak berganjak atau berubah. Antaranya ialah fahaman Shinto, fahaman Konfusius, adat cha-no-yu, kesetiaan kepada raja dan lain-lain nilai tradisi tetap dipelihara dan dijaga.

---

<sup>15</sup> Bom atom di Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 9 Ogos tahun 1945 telah menyebabkan ratusan ribu rakyat Jepun kehilangan nyawa dan kemasuhan harta benda yang tidak ternilai harganya. Susulan daripada peristiwa itu, Jepun menyerah kalah secara rasminya pada 2 September 1945.

Secara umumnya kajian ini berkisar tentang pengaruh globalisasi terhadap peradaban Jepun. Penulis akan melihat kesan pengaruh globalisasi ini dari segi politik, ekonomi dan sosial. Permasalahan asas yang dibahas dalam disertasi ini adalah bagaimana globalisasi memainkan peranan dalam membentuk sebuah peradaban Jepun pada peringkat awal pembentukannya sehingga sekarang. Penelitian disertasi ini akan melihat rangkaian konsep yang menjadi asas aktiviti globalisasi di dalam pelbagai bidang sehingga mampu mewujudkan peradaban unik Jepun yang dirumuskan dalam beberapa soalan berikut:

1. Adakah globalisasi itu sangat signifikan bagi bangsa Jepun?
2. Bagaimana hasil globalisasi itu dikembang dan diasimilasikan di dalam kehidupan harian masyarakat Jepun?
3. Sejauhmanakah pengaruh globalisasi terhadap politik, ekonomi dan sosial Jepun?

Di samping itu penulis juga akan turut melihat pada peringkat awal bermulanya hubungan antara China dan Jepun dan diikuti dengan hubungan Barat dan Jepun. Berasaskan kepada hubungan luar, Jepun telah menerima pelbagai disiplin globalisasi yang telah diasimilasikan dengan baiknya dalam

kehidupan mereka dan akhirnya membentuk kerangka peradaban Jepun yang mantap. Perubahan yang berlaku akibat globalisasi itu dilihat secara kronologi.

#### 1.4      **Objektif Kajian**

Objektif utama disertasi ini adalah untuk melihat kesan yang berlaku dalam tamadun Jepun apabila bermulanya hubungan Jepun dengan dunia luar. Kesan ini boleh dilihat menerusi perkembangan tamadun Jepun yang membawa kepada penubuhan sebuah negara Jepun yang moden. Di samping itu, kajian ini akan memperlihatkan bahawa semua dimensi globalisasi adalah penting kepada masa depan masyarakat dan negara ini.

Kajian yang bersifat antara disiplin ini sangat perlu kerana globalisasi merujuk kepada fenomena global yang mempunyai pelbagai dimensi yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh sebab itu, kita dapat lihat kehidupan masyarakat Jepun dipenuhi dengan falsafah. Manakala pandangan semesta orang Jepun pula mempunyai pengaruh daripada pelbagai agama seperti Shinto, Buddha dan Konfusius. Perkaitan yang rapat antara ajaran-ajaran tersebut dalam amalan dan kepercayaan mereka telah turut membentuk satu identiti yang unik dalam keperibadian orang Jepun dari aspek ketamadunannya.

---

<sup>16</sup> Untuk disertasi ini, penekanan hanya diberi pada dimensi politik, ekonomi dan sosial.

Kajian ini juga akan melihat lebih jauh dengan menjelaskan bahawa kemajuan kebudayaan dan peradaban Jepun tidak akan terbentuk dan menjadi sebuah peradaban yang disegani sekiranya mengamalkan dasar tutup pintu tanpa sebarang perhubungan dengan dunia luar, tetapi hal ini boleh dicapai sekiranya Jepun mampu mengadaptasi dan berinteraksi dengan pelbagai budaya dan peradaban lain.

Oleh sebab itu, pertembungan peradaban luar seperti peradaban China dan Barat telah banyak membawa manfaat dan Jepun telah banyak mendapat faedah untuk memajukan negara mereka tanpa dijajah atau dipengaruhi oleh mana-mana kuasa. Pendirian Jepun yang bersifat neutral telah banyak membantu mereka dalam memperolehi dan mempergunakan teknologi Barat, ilmu pengetahuan, sains dan sebagainya untuk memajukan Jepun semata-mata dan bukan berniat perdagangan sahaja.

Oleh hal yang demikian, setelah mengalami 2 gelombang ketamadunan luar, Jepun mempelajari peradaban lain sekaligus mengubahsuaikannya mengikut acuan mereka. Ini adalah sesuatu yang mengagumkan. Buktinya ialah bagaimana Jepun kembali bangkit dari kemasuhan yang teruk selepas Perang Dunia Kedua dalam masa yang singkat dan seterusnya menjadi kuasa ekonomi yang utama di dunia. Kajian sebegini dapat menonjolkan konsep globalisasi yang komprehensif yang menepati hakikat globalisasi yang sebenarnya.

## 1.5 Metodologi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini berasaskan penyelidikan perpustakaan (*library research*). Kajian terhadap bahan-bahan perpustakaan ini merupakan satu kaedah yang popular bagi meneliti perubahan pemikiran sesuatu masyarakat kerana perbandingan perubahan lebih mudah dilakukan. Analisis terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di Jepun akibat pengglobalisasian ini akan dijalankan berdasarkan kepada buku-buku tulisan tokoh-tokoh akademik dalam dan luar negara.

Selain itu pendekatan sejarah turut digunakan bagi menghasilkan bentuk atas peristiwa-peristiwa dalam peradaban manusia yang telah terjadi secara kronologi.<sup>17</sup> Dengan pendekatan sejarah ini, dapat dihasilkan sebuah penjelasan tentang pelbagai hal mengenai pembentukan sebuah peradaban yang mantap sama ada dari segi asal-usul dan mengapa perubahan demi perubahan berlaku atas kerelaan atau keinginan bangsa Jepun itu sendiri.

---

17. Dudung Abdurrahman, *Metode Penelitian Sejarah* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999), hlm. 5.

Metode penelitian dalam kajian ini dilakukan secara penerangan dengan menggunakan kaedah yang sistematik untuk membantu secara berkesan dalam mengumpulkan sumber-sumber, menilainya secara kritis dan menyajikan suatu hasil kajian yang dicapai, pada umumnya dalam bentuk tulisan mengenai peristiwa sejarah manusia secara kronologi dan mendalam.

Penelitian ini adalah penelitian literatur yang proses pengumpulan datanya dilakukan dengan bahan dokumen<sup>18</sup> melalui pencarian buku-buku, jurnal, makalah dan lain-lain bentuk katalog di beberapa perpustakaan dan mencatat sumber-sumber berkaitan yang dapat digunakan dalam kajian-kajian sebelumnya.<sup>19</sup> Data-data yang diperolehi akan dianalisis dan disintesiskan menjadi faktor-faktor melalui pendekatan di atas. Penulisan akan dibuat secara kronologis dan dipersembahkan menurut topik-topik penting di setiap perkembangan objek kajian.<sup>20</sup>

18 Gilbert J. Garraghan, *A Guide to Historical Method* (New York: Fordham University Press,1984), hlm.33. Bandingkan dengan Louis Gottschalk, *Understanding History*, diterjemahkan Nugroho Notosusanto, *Mengerti Sejarah* (Jakarta:Universitas Indonesia Press,1986), hlm.32.

19 Kuntowijoyo, *Pengantar Ilmu Sejarah* (Jakarta: Bina Aksara, 1987), hlm. 95.

20 Dudung Abdurrahman, *op. cit*, hlm.95.

## 1.6 Sistematika Penulisan

Kajian secara textual terhadap pengaruh globalisasi terhadap peradaban Jepun merupakan bahan penting dalam kajian hubungan antarabangsa melalui jambatan pengaruh globalisasi secara berkesan. Bagi membincangkan secara terperinci dan kritis mengenai pola pengaruh, hasil kajian ini dibahagikan kepada beberapa bab. Bab pertama tumpuan diberikan kepada masalah aspek tumpuan kajian, skop kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Dalam bab kedua, faktor sejarah dijadikan fokus perbincangan dalam usaha menyusur-galurkan pembentukan tamadun Jepun. Ini termasuklah perbincangan mengenai keturunan bangsa Jepun, sejarah awal Jepun dan juga kehidupan tradisi orang Jepun.

Bab ketiga pula membincangkan perspektif globalisasi. Keseluruhan ruang lingkup dialog dibahaskan secara lebih kritis termasuk dimensi globalisasi yang terdiri daripada ekonomi, politik dan sosial.

Bab keempat pula lebih memfokuskan pengaruh globalisasi pada peringkat awal peradaban Jepun iaitu hubungan antara Jepun dan China

termasuk perubahan-perubahan yang berlaku pada keseluruhan tahap kehidupan masyarakat Jepun.

Bab kelima membincangkan pengaruh globalisasi terhadap Jepun ketika era dominasi Barat. Perubahan yang berlaku dan menjelaskan bagaimana Jepun bangkit menjadi kuasa militerisme dan terlibat dalam Perang Dunia Kedua sehingga berlakunya Pendudukan Amerika (SCAP) dan pemulihian Jepun turut dibincangkan.

Bab keenam merupakan kesimpulan kepada keseluruhan kajian ini yang turut membahaskan beberapa keperluan kepada satu permulaan pemahaman mengenai globalisasi dan pengaruhnya terhadap peradaban Jepun. Bab ini juga memperkatakan tentang peranan Jepun sebagai pemimpin dan *role model* serta peranannya di peringkat antarabangsa.